

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 13 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 22

**Seremban**

## **Mohon dana baik pulih pasar**

Majlis Perbandaran Seremban (MPS) diminta memohon peruntukan segera daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi melaksanakan kerja baik pulih dan menaik taraf Pasar Besar Seremban yang musnah dalam kebakaran, Sabtu lalu.

Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, kerja baik pulih tingkat satu bangunan yang terbakar itu perlu segera dilakukan demi kepentingan rakyat terutama peniaga.

“Kita belum mengetahui kos keseluruhan projek membaik pulih bangunan itu kerana masih menunggu laporan siasatan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

“Buat masa ini, tingkat atas itu ditutup selama dua minggu bagi membolehkan siasatan dilakukan untuk menentukan punca kejadian,” katanya selepas merasmikan Pusat Komuniti Taman Marida Senawang, di sini, petang kelmarin.